



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA**

**JAWAPAN KEPADA KENYATAAN MEDIA OLEH LAWYERS FOR LIBERTY**  
**(LFL) BERTAJUK ‘SHOCKING DISCLOSURES THAT JUDGES WERE FORCED**  
**TO ATTEND BTN COURSES – CHIEF REGISTRAR MUST EXPLAIN’**

Merujuk kepada kenyataan media oleh N. Surendran, Penasihat *Lawyers For Liberty* bertajuk '*Shocking disclosures that judges were forced to attend BTN courses – Chief Registrar must explain*' yang disiarkan melalui portal [www.lawyersforliberty.org](http://www.lawyersforliberty.org) bertarikh 28 Julai 2018, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) ingin menjelaskan bahawa kursus yang dinyatakan di dalam artikel tersebut adalah merupakan salah satu kursus Pembangunan Kapasiti Pegawai Kehakiman yang telah dirancang dengan lebih awal.

Untuk makluman, kursus yang dinamakan **Program Latihan Transformasi Negara** telah dijalankan dengan kerjasama Biro Tatanegara (BTN). PKPMP sering mengadakan kerjasama dengan agensi kerajaan seperti BTN bagi menjimatkan kos penganjuran latihan berdasarkan kepada dasar penjimatan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Amalan kerjasama dengan agensi lain bukanlah suatu yang baharu dan PKPMP telah menjalankan kerjasama yang erat dengan agensi lain seperti Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) bagi tujuan kursus dan latihan.

Kursus yang pertama telah diadakan di Akademi Kenegaraan, Jalan Bellamy, Kuala Lumpur pada 16 hingga 18 Mac 2018. Manakala kursus yang seterusnya telah diadakan pada 23 hingga 25 Mac 2018 di Kem Bina Negara, Tanjung Rhu, Sepang dan 6 hingga 8 April 2018 di Kem Bina Negara di Kulim, Kedah. Hanya tiga siri kursus sahaja yang telah diadakan manakala siri kursus yang lain telah ditangguhkan oleh BTN selaras dengan aspirasi semasa Kerajaan Persekutuan untuk mengkaji semula kedudukan dan peranan BTN. Kursus-kursus yang diadakan tersebut bukan sahaja

melibatkan Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret tetapi turut melibatkan kakitangan sokongan.

Modul yang dirancang bagi kursus ini adalah di bawah seliaan PKPMP dan bukan BTN sepenuhnya. Modul kursus ini adalah berbentuk *team-building* dan *generic* bagi meningkatkan semangat patriotisme, menerapkan semangat kerja berpasukan dan menyemai nilai-nilai murni dalam kalangan warga PKPMP. Ingin ditegaskan bahawa modul yang dirancang bukan berunsurkan politik dan bukan bertujuan bagi mengdoktrinkan pemikiran hakim-hakim seperti kenyataan yang dibuat.

Ingin juga dijelaskan bahawa Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret merupakan pegawai dalam perkhidmatan awam menurut Perkara 132(1)(b) Perlembagaan Persekutuan yang mana mereka adalah tertakluk kepada pekeliling perkhidmatan dan peraturan yang mengawal selia penjawat awam termasuk keperluan menghadiri sebarang latihan ataupun kursus.

PKPMP ingin menegaskan bahawa kursus ini telah dirancang lebih awal dan tarikh kursus yang dijalankan sebelum Pilihan Raya ke-14 adalah secara kebetulan sahaja. Modul kursus ini juga adalah di bawah seliaan PKPMP yang menerapkan unsur kenegaraan dan tidak mempunyai sebarang unsur politik.

Sekian, terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman, Putrajaya**

**1 Ogos 2018**